

# FIMA akan proses makanan besar2an —Dr. M

AMSTERDAM, Sabtu — Ramal usahawan Sweden, Belanda dan Switzerland ingin melabur di Malaysia. Ini berikutan kejayaan lawatan rombongan galakan pelaburan Malaysia ke negara-negara itu, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Mereka tertarik hati dengan iklim dan peluang pelaburan yang boleh didapati di Malaysia, tambahnya, dan bercadang melawat Malaysia ia tidak lama lagi.

Antara yang mereka minati ialah perindustrian menggunakan bahan-bahan mentah seperti getah, kayu balak dan kelapa sawit.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berpuashati dengan keputusan yang dicapai oleh rombongan galakan pelaburan itu.

Sebagai contoh, katanya, seminar

pelaburan di Amsterdam dihadiri lebih 90 usahawan dan peniaga terkemuka Belanda. Dan tidak kurang 80 permintaan bagi mengadakan pertemuan diterima.

Dr. Mahathir bercadang menganjurkan rombongan galakan pelaburan seumpama itu di luar negeri tahun depan memandangkan kejayaan yang dicapai kali ini.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia mungkin mengusahakan perindustrian memproses makanan secara besar-besaran menggunakan bahan makanan yang ada.

Dan kerana itu beliau, dalam lawatan ke Switzerland, Sweden dan Belanda, melawat kilang-kilang memproses makanan.

Beliau membayangkan bahawa FIMA mungkin menceburi bidang itu.

Dr. Mahathir dijangka pulang ke Malaysia petang Selasa ini. — Bernama.

No

No